

Pasir Salak mahu Ismail Sabri kekal PM

BH-4/7/2022 no: 7

Pasir Salak: UMNO Bahagian Pasir Salak mahu Naib Presiden parti itu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kekal sebagai Perdana Menteri selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Ketua UMNO Bahagian Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman, memberi jaminan bahagian itu akan terus memberi sokongan kepada Ismail Sabri menerajui pentadbiran negara.

Beliau berkata, pelbagai usaha sudah dilakukan Ahli Parlimen Bera itu sepanjang perkhidmatannya, termasuk menghadapi pandemik COVID-19 dan usaha mengurangkan bebanan rakyat.

“Apa kesalahan dia (Ismail Sabri) lakukan, tiada...(tetapi) kenapa pula macam-macam tuduhan dibuat dan seolah-olah beliau tidak layak menjadi Perdana Menteri,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Perak di Litar Dato’ Sagor, di sini, semalam, yang disempurnakan Ismail Sabri.